# DASAR KESELAMATAN ICT

## Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

## 13 November 2020

## Versi 3.0

*Perlu Diisi Oleh Semua Kakitangan Syarikat Yang Terlibat*

# BIDANG 11

## HUBUNGAN DENGAN PIHAK KETIGA (*A.15 Supplier relationships*)

### 1101 Pihak Ketiga

**Objektif :**

Menjamin keselamatan semua aset ICT yang digunakan oleh pihak ketiga (Pembekal, Pakar Runding dan lain-lain)

### 110101 Keperluan Keselamatan Kontrak dengan Pihak Ketiga

| | |
|---|---|
| Ini bertujuan memastikan penggunaan maklumat dan kemudahan proses maklumat oleh pihak ketiga dikawal.<br><br>Perkara yang perlu dipatuhi:<br><br>1. Membaca, memahami dan mematuhi DKICT PTGS;<br>2. Mengenal pasti risiko keselamatan maklumat dan kemudahan pemprosesan maklumat serta melaksanakan kawalan yang sesuai sebelum memberi kebenaran capaian;<br>3. Mengenal pasti keperluan keselamatan sebelum memberi kebenaran capaian atau penggunaan kepada pihak ketiga;<br>4. Mengenal pasti risiko ke atas keselamatan maklumat dan memastikan pelaksanaan kawalan yang sesuai ke atas maklumat tersebut;<br>5. Memastikan semua syarat keselamatan dinyatakan dengan jelas dalam perjanjian dengan pihak ketiga, dan<br>6. Akses kepada aset ICT PTGS perlu berlandaskan perjanjian kontrak. Perjanjian yang dimeterai perlu mematuhi perkara-perkara berikut:<br>a. Dasar Keselamatan ICT (DKICT) PTGS;<br>b. Perakuan Akta Rahsia 1972;<br>c. *Non-Disclosure Agreement* (NDA);<br>d. Membuat pendaftaran di dalam Sistem e-Vetting CGSO<br>7. Menandatangani Surat Akuan Pematuhan Dasar Keselamatan ICT PTGS sebagaimana **Lampiran 1.** | Semua |

# BIDANG 11

## HUBUNGAN DENGAN PIHAK KETIGA (*A.15 Supplier relationships*)

### 1102 Pengurusan Penyampaian Perkhidmatan Pihak ketiga, Pakar Runding dan Pihak-Pihak Lain Yang Terlibat

**Objektif :**

Memastikan pelaksanaan dan penyelenggaraan tahap keselamatan maklumat dan penyampaian perkhidmatan yang sesuai selaras dengan perjanjian perkhidmatan dengan pihak ketiga, pakar runding dan pihak-pihak lain yang terlibat.

### 110101 Kawalan Keselamatan Maklumat Melalui Perjanjian Dengan Pihak ketiga

| | |
|---|---|
| PTGS hendaklah sentiasa memantau, mengkaji semula dan mengaudit perkhidmatan pihak ketiga. Perkara yang perlu dipatuhi adalah:<br><br>1. Memasukkan kawalan keselamatan, definisi perkhidmatan dan tahap penyampaian yang terkandung dalam perjanjian dipatuhi, dilaksanakan dan disenggarakan oleh pihak ketiga, pakar runding dan pihak-pihak lain yang terlibat;<br><br>2. Perkhidmatan, laporan dan rekod yang dikemukakan oleh pihak ketiga, pakar runding dan pihak-pihak lain yang terlibat perlu sentiasa dipantau, disemak semula dan diaudit dari semasa ke semasa; dan<br><br>3. Pengurusan ke atas perubahan penyediaan perkhidmatan termasuk menyelenggara dan menambah baik polisi keselamatan, prosedur dan kawalan maklumat sedia ada, perlu mengambil kira tahap kritikal sistem dan proses yang terlibat serta penilaian semula risiko.<br>. | Semua |

### 110202 Pengurusan Perubahan Perkhidmatan Pihak ketiga

| | |
|---|---|
| Perkara yang perlu diambil kira adalah:<br><br>1. Perubahan dalam perjanjian dengan pihak ketiga;<br><br>2. Perubahan yang dilakukan oleh PTGS bagi meningkatkan perkhidmatan selaras dengan penambahbaikan sistem, pengubahsuaian dasar dan prosedur;<br><br>3. Perubahan dalam perkhidmatan pihak ketiga selaras dengan perubahan rangkaian, teknologi baru, produk-produk baru, perkakasan baru, perubahan lokasi, pertukaran kakitangan pihak ketiga dan perubahan sub-kontraktor pihak ketiga. | Semua |

**Lampiran 1**

# SURAT AKUAN PEMATUHAN DASAR KESELAMATAN ICT PTGS

Nama (Huruf Besar) : ..........................................................................................

No. Kad Pengenalan : ..........................................................................................

Jawatan : ..........................................................................................

Bahagian/Syarikat : ..........................................................................................

Adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:-

1. Saya telah membaca, memahami dan akur akan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Dasar Keselamatan ICT PTGS; dan

2. Jika saya ingkar kepada peruntukan - peruntukan yang ditetapkan, maka tindakan sewajarnya boleh diambil ke atas diri saya.

Tandatangan : ....................................................

Tarikh :....................................................

**Pengesahan Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) PTGS**

.....................................................

**(Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) PTGS**

b.p. Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Cop:

Tarikh : ..........................................

LAMPIRAN 1A

**PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH *PENJAWAT AWAM/ SYARIKAT BERKENAAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972**

BAGI MENGANGGOTAI ......................... di........................ pada.................. hingga.....................

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah, sesuatu benda rahsia, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau rahsia sesuatu benda rahsia adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta tersebut, yang boleh dihukum maksimum penjara seumur hidup.

Saya faham bahawa segala maklumat rasmi yang saya perolehi dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan, atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani suatu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan *Perkhidmatan Kerajaan/ projek.

Tandatangan:..............................................................................................................

Nama dengan huruf besar:..............................................................................................

No. Kad Pengenalan:.....................................................................................................

Jawatan:......................................................................................................................

Jabatan/ Syarikat:.........................................................................................................

Tarikh:.......................................................................... ..................................

Disaksikan oleh:.............................................................................................. .....

Nama dengan huruf besar:..............................................................................................

No. Kad Pengenalan:................................................................................................ ...

Jawatan:......................................................................................................................

Jabatan:.......................................................................................... ..................

Tarikh:........................................................................................................................

Cop Jabatan:................................................................................................ ..........

CATATAN : *Potong mana yang tidak berkenaan

# eVetting (CGSO)

Mohon juga diisi maklumat kakitangan yang terlibat di laman sesawang berikut :

**https://evetting.cgso.gov.my**

# Non Disclosure Agreement PTGS

# (NDA PTGS)

NOTE *Perlu Diisi Satu(1) Sahaja Oleh Wakil Syarikat *

**NON-DISCLOSURE AGREEMENT**
**PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR**

This agreement is entered into this ______________day of _______________ by and between ________________________________________________ **(Company No: _____________)** with offices at ______________________________________________________________

______________________________________________________________

(hereinafter "Recipient") and **Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor** , with offices at **Tingkat LG, G , 1, 3 & 4 Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40503 Shah Alam** (hereinafter "Discloser").

**WHEREAS** Discloser possesses certain ideas and information relating to **Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor** that is confidential and proprietary to Discloser (Hereinafter "Confidential Information"); and

**WHEREAS** the Recipient is willing to receive disclosure of the Confidential Information pursuant to the terms of this Agreement for the purpose of ________________________________

NOW THEREFORE, in consideration for the mutual undertakings of the Discloser and the Recipient under this Agreement, the parties agree as follows:

1. **Disclosure:** Disclosure agrees to disclose, and Recipient agrees to receive the Confidential Information.

2. **Confidentiality:**

   2.1 **No Use**: Recipient agrees not to use the Confidential Information in any way, or to manufacture or test any product embodying Confidential Information, except for the purpose set forth above.

   2.2 **No Disclosure:** Recipient agrees to use its best efforts to prevent and protect the Confidential Information, or any part thereof, from disclosure to any person other than Recipient's employees having a need for disclosure in connection with Recipient's authorized use of the Confidential Information.

   2.3 **Protection of Secrecy:** Recipient agrees to take all steps reasonably necessary to protect the secrecy of the Confidential Information, and to prevent the Confidential Information from falling into the public domain or into the possession of unauthorized persons.

3. **Limits on Confidential Information:** Confidential Information shall not be deemed proprietary and the Recipients shall have no obligations with respect to such information where the information:
   a. Was known to Recipient prior to receiving any of the Confidential Information from Disclosure;

   b. Has become publicly known through no wrongful act of Recipient;

c. Was independently developed by Recipient without use of the Confidential Information; or

d. Was ordered to be publicly released by the requirement of a government agency.

4. **Ownership of Confidential Information:** Recipient agrees that all Confidential Information shall remain the property of Discloser may use such Confidential Information for any purpose without obligation to Recipient. Nothing contain herein shall be construed as granting or implying any transfer of rights to Recipient in the Confidential Information, or any patents or other intellectual property protecting or relating to the Confidential Information.

5. Term and Termination: The obligations of this Agreement shall be continuing until the Confidential Information disclosed to Recipient is no longer confidential.

**IN WITNESS WHEREOF,** the parties have executed this agreement effective as of the date first written above.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Discloser | Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor | Recipient | |
| Signed | | Signed | |
| Name | | Name | |
| Title | | Title | |
| Date | | Date | |